



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BANDAR UTAMA DAMANSARA (3)
(SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN)
PERSIARAN BUKIT UTAMA, BANDAR UTAMA
47800, PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
<http://www.smkbu3.edu.my>
bea8643@btpn.sel.edu.my

Tel : 03-7727 6166

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : BU3.600-4/1/2 ()
Tarikh : 10 Disember 2020

Kepada,
Semua Ibu bapa , Penjaga dan Pelajar SMKBU3.

Tuan,

PENGAMBILAN SIJIL ASAL PEPERIKSAAN SPM DAN 1119 SEHINGGA TAHUN 2019

Perkara di atas dirujuki.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Sijil Asal Peperiksaan SPM Dan 1119 Sehingga Tahun 2019** telah diterima dari Lembaga Peperiksaan dan murid atau wakil boleh hadir bagi mengambil sijil berkenaan.

3. Pengambilan sijil adalah seperti ketetapan berikut :

Hari : Isnin hingga Jumaat (*ditutup pada hujung minggu dan cuti umum).

Masa : 9 pagi hingga 12 tengahari sahaja (*Isnin hingga Khamis).

9 pagi hingga 11:30 pagi sahaja (*Jumaat sahaja).

Pakaian : Berpakaian sopan.

(*tidak dibenarkan memakai baju singlet atau seluar pendek).

Dokumen yang perlu dibawa : Sila bawa Kad Pengenalan Asal / Pasport Asal / Sijil Kelahiran Asal murid berkenaan.

(*salinan fotostat tidak diterima).

Lokasi : Pejabat Sekolah SMKBU3, Blok B, Tingkat 1.

Kehadiran : Hanya seorang (1) sahaja wakil dibenarkan hadir untuk mengambil sijil berkenaan dengan mematuhi SOP (*memakai pelitup muka, mengambil bacaan suhu dan mendaftarkan diri menggunakan aplikasi MySejahtera).

4. Kegagalan tuan untuk tidak mematuhi seperti perkara diatas akan menyebabkan sijil berkenaan **tidak dapat diserahkan** kepada tuan memandangkan sijil berkenaan adalah sijil asal.

Sekian, untuk makluman dan tindakan tuan

Terima kasih

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

PN HAJAH ROS BINTI LIZAN
PENGETUA,
SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA (3).